

inovasi

Inovasi Celik Bahasa Kebangsaan



Prof Madya
Dr Vijayaletchumy
Subramaniam

info

Anugerah
diterima

- Pingat emas Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 2017)
- International Invention and Innovation Competition (iCan Kanada 2017)
- Pameran Rekacipta, Penyelidikan dan Inovasi UPM 2016
- Johan Anugerah Inovasi Selangor 2017
- Pingat perak International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning 2017

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur

Bagi memantapkan pengetahuan guru dalam ilmu tatabahasa asas bahasa Melayu, penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan program Celik Bahasa Kebangsaan.

Hasil penyelidikan itu dilihat berupaya menyumbang kepada peningkatan pencapaian murid dalam subjek Bahasa Melayu bagi peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2016.

Program Celik Bahasa Kebangsaan itu mengandungi enam komponen ilmu Bahasa Melayu iaitu tatabahasa, pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui laman sesawang, kaedah isi sama (IsSam), pengenalan ayat, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta pemindahan maklumat.

Ketua penyelidik, Prof Madya Dr Vijayaletchumy Subramaniam, berkata kajian itu mula dijalankan pada 2014 melalui Program Murid Cendekia Bahasa Kebangsaan untuk memantau tahap penguasaan dan kecemerlangan murid dalam subjek Bahasa Melayu.

Katanya, melalui kaji selidik yang dijalankan didapati pengetahuan tatabaha-

sa dalam kalangan murid berada pada tahap minimum.

"Oleh itu, kami tampil dengan program ini untuk membantu murid dan guru menguasai ilmu tatabahasa asas, memperluas pengetahuan pencarian bahan pengajaran dalam laman sesawang Google.

"Selain itu, ia juga mentransformasikan ilmu dan pengetahuan mengenai teknik penulisan karangan dalam kalangan guru, mengenal pasti kesalahan tatabahasa dari aspek kesalahan penulisan ayat pasif, kesalahan penggunaan kata sendi nama dan kesalahan penggunaan diksi kata, kepelbagaian kaedah pemindahan maklumat," katanya.

Pemantapan bahasa

Kaedah yang digunakan dalam program Celik Bahasa Kebangsaan ialah prajujian, analisis, kesedaran, persembahan modul, 3P (pengukuhan, pemu-lihan dan pascaujian).

Vijayaletchumy berkata, Program Celik Bahasa Kebangsaan itu dijalankan dengan beberapa slot utama yang merangkumi prajujian, pascaujian, slot pengetahuan dan inovasi pengajaran.

"Selain itu, setiap program akan disertakan beberapa slot pemantapan bahasa bagi meningkatkan penge-

Dr Vijayaletchumy menunjukkan komponen inovasi program Celik Bahasa Kebangsaan yang dihasilkan.



tahan guru dalam subjek Bahasa Melayu, termasuk penguasaan tata bahasa, morfologi, sintaksis dan lain-lain.

"Sepanjang transformasi ilmu dilaksanakan, perkongsian ini membolehkan guru dapat mengguna, menyebarkan dan mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu kepada murid dengan lebih efisien dan yakin," katanya.

"Guru juga dapat menguasai teknik dan formula

mengajar Bahasa Melayu yang efektif kepada murid serta dapat berkongsi ilmu pengetahuan. Banyak maklumat yang diperoleh hasil perbincangan bersama-sama guru dari pelbagai daerah.

"Segala isu yang diketengahkan oleh guru, khususnya mengenai rombakan dalam kandungan serta format kertas soalan peperiksaan UPSR dicari jalan penyelesaian, malah segala kesangsian yang

dikemukakan, diajukan kepada pihak yang tepat untuk mendapatkan maklum balas dan penjelasan sewajarnya," katanya.

Beliau berkata, kajian yang turut dijalankan bersama tiga lagi penyelidik melalui geran Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (Sedic), Jabatan Perdana Menteri sudah mendapat perlindungan harta intelek dan bersedia dikomersialkan.